



SUARA BANDARAYA

SEPTEMBER/OKTOBER 1990 ISSN 0128 - 1194

TAMAN BURUNG KUALA LUMPUR

Yang Terbesar di Rantau Asia Tenggara

Taman Burung yang terbesar di rantau Asia Tenggara kini terdapat di Kuala Lumpur. Projek pembinaan taman ini diilhamkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Elyas Omar pada tahun 1987. Terletak di kawasan seluas 20 ekar, Taman Burung Kuala Lumpur (TBKL) dijangka akan dibuka kepada orang ramai sedikit masa lagi.

Fasa I TBKL dibina berdasarkan konsep 'Walk-In Aviary' iaitu bertutup dengan jaringan di atas tapak 7.5 ekar di kawasan seluas 20 ekar. Ini dapat mewujudkan keadaan persekitaran semulajadi kerana burung-burung dilepaskan berterbangan dalam kawasan yang luas. Para pengunjung berpeluang melihat pelbagai jenis burung dengan jelas sambil bersiar-siar dalam suasana yang tenang dan harmoni. Fasa II seluas 12.5 ekar akan dibina apabila Fasa I dibuka kepada orang ramai.

Terdapat sejumlah 4,800 ekor burung dari 100 spesies akan dilepaskan berterbangan dalam TBKL. Burung-burung import 40 peratus dan bakinya burung tempatan. Ini termasuklah pelbagai burung berwarna-warni dari baka tempatan dan luar negeri seperti Amerika Syarikat, Thailand, Burma, Indonesia, Afrika dan Filipina. Burung-burung ini didapati melalui agen-agen dari Thailand dan Indonesia.

Antara burung-burung import yang terdapat di TBKL termasuklah Green Pigeon, Water Cock, Scarlet Macao, Flamingo dan Legger Thick-billed. Burung tempatan pula ialah Kuang, Jelatik, Barau-Barau, Merpati Emas, Punai dan sebagainya. Bilangan burung-burung di TBKL akan ditambah dari masa ke masa bagi memenuhi citarasa para pelancong khususnya pengembara burung.

Sesuai sebagai tempat untuk bersiar-siar dan beristirehat, TBKL menyediakan pelbagai kemudahan untuk kesenangan pengunjung. Antaranya ialah taman air terjun yang menawan, kawasan rehat dan berkelah, kios-kios, pusat bandar, taman dan kawasan pejabat awam untuk pengunjung bersiar-siar sambil melihat pelbagai jenis burung.

Teropong untuk melihat burung juga disediakan untuk para pengunjung. Di bahagian kanak-kanak, terdapat kolam



Para pengunjung berpeluang melihat pelbagai jenis burung sambil bersiar-siar dalam suasana tenang dan harmoni

mengejar itik dan perangkap permainan yang disediakan. Ini merupakan tarikan utama bagi kanak-kanak kerana permainan tersebut tidak terdapat di taman-taman tasik yang lain.

Burung-burung import diletakkan di klinik burung dan di kuarantinkan sebelum di bawa ke taman. Kawasan taman terlebih dahulu dibersihkan dari segala binatang seperti ular dan tikus untuk menjamin keselamatan burung-burung. Kemudian, burung-burung tersebut akan dilepaskan secara berperingkat-peringkat dan dibiarkan berterbangan dalam taman tersebut selama sebulan. Ini amat penting bagi memastikan burung-burung tersebut dapat menyesuaikan diri

dengan persekitaran tempatan sebelum pengunjung dibenarkan masuk.

TBKL yang berharga \$7 juta itu merupakan satu lagi daya tarikan pelancong ke Kuala Lumpur khususnya ke Taman Tasik Perdana. Para pengunjung bukan sahaja berpeluang untuk melihat pelbagai burung yang berwarna-warni dari seluruh dunia malahan dapat menikmati keindahan dan kehijauan Taman Tasik Perdana yang sentiasa terpelihara.

Projek ini merupakan tambahan kepada tempat-tempat tumpuan pelancong di Taman Tasik Perdana yang sedia ada seperti Taman Orkid, Taman Bunga Raya, Taman Kancil ■

■ LARGEST BIRD PARK IN SOUTHEAST ASIA

Kuala Lumpur has the largest Bird Park in Southeast Asia. The idea for building the park was first mooted by the Datuk Bandar, Tan Sri Dato' Elyas Omar, in 1987. It is located on a 20-acre site, the Kuala Lumpur Bird Park will be opened to the public soon.

The first phase of the Park is based on the 'Walk-in Aviary' concept, comprising a 7.5-acre area covered with netting. This creates a natural environment for the birds

to roam about within a large area. Visitors can watch a wide variety of birds while strolling about in calm and harmonious surroundings. Phase 2 which covers 12.5 acres will be built after Phase 1 is completed.

About 4,800 birds of 100 species will be released in the Bird Park. Of these, 40 percent are imported while the rest are local. This includes many colourful local

KANDUNGAN

SUARA BANDARAYA ■ SEPT./OKT. 1990

■ TAMAN BURUNG KUALA LUMPUR	1
■ EDITORIAL DAN ISI KANDUNGAN	2
■ DARI MEJA DATUK BANDAR	3
■ KETUA PENGARAH RASMIKAN KOMPLEKS PERNIAGAAN DATARAN MERDEKA	4
■ AHLI-AHLI KOPERASI PINJAM \$3.4 JUTA	5
■ DBKL BANTU KANAK-KANAK PALESTINE	6
■ DATUK HAJI NOORDIN ABD. RAZAK : KETUA PENGARAH CEMERLANG	7
■ TULISAN JAWI : RAMAI YANG TIDAK TAHU	7
■ DATUK BANDAR : SEDIA BANTU USAHAWAN MUDA	8
■ TAMAN SANG KANCIL : MENDIDIK KANAK-KANAK PRA SEKOLAH	9
■ HARI KEBANGSAAN KE 33 : DBKL NAIB JOHAN KERETA BERTIAS	10
■ TEE LAY NGUAN : MINAT SENI UKIR MELAYU TRADISI	11
■ CITY HALL RUNNERS-UP : IN MERDEKA FLOAT PROCESSION	12
■ PENGUCAPAN PUISI DUNIA KUALA LUMPUR	12
■ PERIBADI, KREATIF DAN INOVATIF SESEORANG MUSLIM	13
■ HARI KEBANGSAAN KE 33 : PAMERAN TRADISI DAN BUDAYA	14
■ LUKISAN BERKELUARGA : SEMPENA 100 TAHUN KUALA LUMPUR	16
■ HASRAT MOHD AWANG ABDULLAH : GANTIKAN KEKOSONGAN H.M. BUSRA	16
■ MENYELAM KE DASAR LAUT SEBAGAI SATU HOBI	17
■ KESEMPURNAAN KESIHATAN	18
■ PERAYAAN 100 TAHUN KUALA LUMPUR : KONSERT DIRAJA MEMPERSONAKAN	19
■ AZIZUL KHAMIS MENANG PERSEMBAHAN TERBAIK LAGU BUAH-BUAHAN	20
■ LAGU MAAL HIJRAH : MAHZAN MANAN MENANG WANG TUNAI \$3000	20
■ ISTERI-ISTERI KETUA POLIS LAWAT TAMAN ORKID	21
■ MENGENAL ORKID	21
■ HARI PENGUATKUASA KE 21 : PASUKAN KECEMASAN DAN KESELAMATAN BANTU WARGAKOTA	22
■ 21ST ENFORCEMENT DAY : EMERGENCY AND RESCUE SQUAD HELPS CITY RESIDENTS	22
■ \$50,000 UNTUK PINJAMAN PELAJARAN	23
■ KOOP DAPAT 'LAMPU HIJAU' MEMBUKA KIOSK	23
■ TAMAN RAMA-RAMA KUALA LUMPUR : SATU LAGI DAYA TARIKAN DI TAMAN TASIK PERDANA	23
■ PERTANDINGAN DRAMA : GERAK GONDOL ENAM ANUGERAH	24
■ ASIAH : JOHAN BERKANGASIAH	24
■ C. SARAVANAN : ISI KEKOSONGAN PELAKON BUKAN MELAYU	25
■ ENAM BALU KAKITANGAN DBKL TERIMA : PAMPASAN INSURANS KELOMPOK \$64,000	26
■ DZARINA IBRAHIM : ACARA 'FAVOURITE' 100M DAN 200M	27
■ NAMAK PERMAISURI TABADIKAN BADA ORKID BENANTANDA	28



EDITORIAL

PENASIHAT

Mohd. Shukran Hj. Abd. Halim

EDITOR

Zarina Ahmad Osman

PENOLONG EDITOR

Mohamed Hashim Hj. Mohd Ali
Jennifer Vincent

JURUFOTO

Mubarak Mohd. Atan
Abd. Rhani Mohd. Sohor

PEMBERITA

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani
Haliza Abd. Hamid (Pelatih ITM)

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada :

EDITOR

SUARA BANDARAYA
Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwat Awam,
Urusetia Bandaraya, Tingkat 6,
Bangunan Dewan Bandaraya
Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Telefon : 2916011
Sumbangan 147/ 432 / 122

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

DESIGN & LAYOUT
Design Image Advertising & Promotions Sdn. Bhd.

Dari Meja Datuk Bandar

Walaupun telah mencapai beberapa kejayaan, kita masih perlu bekerja keras untuk mengatasi masalah-masalah yang terus menjejaskan perkembangan bandaraya Kuala Lumpur ini.

Antara strategi masa depan DBKL ialah memajukan sistem pengangkutan bandar bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan pusat-pusat bandar baru. Kita ingin menyediakan kemudahan yang maksimum untuk kebaikan orang ramai. Projek-projek pengangkutan bandar perlu menyokong matlamat dan objektif pembangunan perindustrian dan sosial bandaraya metropolitan Kuala Lumpur.

Salah satu matlamat utama DBKL ialah menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya taman bercahaya. Dalam beberapa tahun yang lalu, kita telah berjaya menukar wajah Kuala Lumpur dari sebuah hutan batu bata menjadi sebuah bandaraya yang indah, dengan melaksanakan projek-projek senitaman, taman bunga dan taman rekreasi, serta mengindahkan tebing sungai. Walaupun kita kekurangan wang, kita dapat meneruskan usaha-usaha kita untuk menaikkan imej bandaraya dan meninggikan mutu penghidupan penduduknya.

Saya percaya dan saya berharap, menerusi usaha-usaha gigih, kita akan dapat membangunkan Kuala Lumpur menjadi sebuah bandaraya yang unik. Kita tidak mahu Kuala Lumpur menjadi sebuah pulau mewah yang dikelilingi oleh lautan kemiskinan. Marilah kita menumpukan segenap tenaga dan masa kita untuk mencapai matlamat ini.

Apabila mahu merancang objektif dan membincangkan konsep, kita mengambil kira keperluan untuk mengekalkan imbalan yang sihat antara ciri-ciri fizikal, alam sekitar dan sosio-



ekonomi yang mempengaruhi perkembangan Kuala Lumpur.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa membantu usaha-usaha Kerajaan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan. Kebanyakan projek-projek yang sedang dilaksanakan dan dirancang sekarang adalah bertujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur lebih menarik lagi kepada para pelancong dari dalam dan luar negeri ■

While we have achieved some measure of success, we must continue to work hard to overcome problems that continue to affect the growth of Kuala Lumpur.

Among City Hall's strategies for the future is the development of the urban transportation system to boost economic growth and create new urban centres. We aim to provide the maximum facilities for the benefit of the people. Urban transportation projects must support the industrial and social development aims and objectives of metropolitan Kuala Lumpur.

One major objective of City Hall is to transform Kuala Lumpur into a garden city of lights. Within the last few years, we have succeeded in shedding Kuala Lumpur's concrete jungle image and turned it into a beautiful city, by implementing projects such as landscaping, flower gardens and recreational parks and the beautification of river banks. We will continue in our efforts to improve the city's image and upgrade the quality of life for residents.

I believe and hope that through determined efforts we will succeed in developing Kuala Lumpur into a unique city. We do not want Kuala Lumpur to be a prosperous island surrounded by a sea of poverty. Let us focus our energy and time to achieving this objective.

When planning objectives and discussing concepts, we must take into consideration the need to maintain a healthy balance between the physical, natural and socio-economic factors in the development of Kuala Lumpur.

City Hall will always support Government efforts to make Malaysia a tourist destination. Most of the projects being implemented or planned are geared towards making Kuala Lumpur attractive to local and foreign tourists ■



dari m.s. 1

species and birds imported from the United States, Thailand, Burma, Indonesia, Africa and the Philippines. The birds are being imported through agents in Thailand and Indonesia.

Among the imported birds at the Bird Park are Green Pigeons, Water Cocks, Scarlet Macaos, Flamingoes and Thick-billed Leggers. Local birds include Pheasants, Javanese Sparrows, Yellow-crowned Bulbuls, Golden Pigeons and Green Pigeons. The number of imported birds will increase from time to time to suit the preferences of bird-watchers.

The Park is an ideal place to stroll about and relax in. The KL Bird Park offers various facilities for visitors to enjoy, there are attractive waterfalls, resting and picnic spots, kiosk selling souvenirs and pedestrian paths for visitors to use while watching the wide variety of birds.

Binoculars for bird watching are